

# Bertindak terhadap pemilik anjing cuai

SAYA merujuk kepada berita seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun cedera parah diserang anjing ganas di Seberang Perai, Pulau Pinang pada 19 Mac lalu.

Saya amat berharap kerajaan mengambil satu tindakan drastik untuk melindungi kanak-kanak daripada kes-kes seperti ini.

Sudah terlalu banyak kes seperti ini berlaku, yang mana amat menyedihkan apabila melihat kanak-kanak tak berdosa menjadi mangsa kebiadaban dan kurang ajar kelompok-kelompok tertentu terhadap masyarakat di negara kita.

Mereka yang membela anjing ini perlu diberi satu syarat apabila memohon lesen yang mana, kalau ada sebarang kelalaian atau kecuaian di pihak mereka menyebabkan anjing peliharaan mereka berkeliaran sendiri atau tidak di bawah pengawasan mereka, atau menyebabkan kecederaan kepada sesiapa, anjing mereka akan ditangkap dan mereka tidak akan dibenar memperbaharui sebarang lesen bagi tempoh yang panjang, seperti 10 tahun.

Sekiranya mereka dikesan membela anjing secara haram selepas diambil tindakan oleh pihak berkuasa, mereka boleh diambil tindakan undang-undang yang keras, misalnya dikenakan denda dan penjara. Selagi undang-undang yang tegas tidak diadakan selagi itulah akan ada pemilik anjing yang bebas daripada tindakan undang-undang.

Saya amat berharap pihak berkuasa tidak menunggu sesuatu kejadian lagi sebelum mengambil tindakan jangka masa panjang berbentuk undang-undang atau peraturan PBT, demi melindungi kanak-kanak.

**ABDUL HAKIM**  
Puchong, Selangor